



جباتن كاكيمن شرعية نكزي كلنتن
كوتيهارو كلنتن

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI KELANTAN
Kompleks Mahkamah Syariah,
Bandar Baru Tunjung, Jalan Pasir Mas - Salor
15510 Kota Bharu, Kelantan.

Telefon : 09-748 2206
(DL) : 09-746 1512
Faks : 09-743 0476

10

Ruj.Kami :JKSN.600-1/3/1 (10)
Tarikh :17 Muharram 1441
:17 September 2019

Ke Majlis,

Seperti di lampiran

YA Dato'/YA/Tuan,

ARAHAN KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 1/2019

Adalah dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini disertakan Arahan Ketua Hakim Syarie Bil.1/2019 untuk makluman dan tindakan YA Dato'/YA/Tuan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

#RAJA BERDAULAT, RAKYAT SEPAKAT, NEGERI BERKAT#
#SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT#

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(MOHD HAFIZ BIN DAUD)
Ketua Pendaftar
Mahkamah Rayuan/Tinggi Syariah
Negeri Kelantan

Edaran Dalam:
YAA Dato' Ketua Hakim Syarie Negeri Kelantan

**ARAHAN KETUA HAKIM SYARIE
BIL 1/2019**

**PENDAFTARAN KES-KES PENGESAHAN HARTA TAK ALIH ATAS
NAMA PENINGGALAN SI MATI, PENGESAHAN HARTA PUSAKA,
SEPENCARIAN, WASIAT DAN HIBAH DI BAWAH ENAKMEN
PENTADBIRAN MAHKAMAH SYARIAH NEGERI KELANTAN
NO.3/1982**

1. TUJUAN

Arahan ini bertujuan melaksanakan prosedur pendaftaran kes-kes pengesahan harta tak alih atas nama peninggalan si mati, pengesahan harta pusaka, sepencarian, wasiat dan hibah sebelum dibawa ke Mahkamah Syariah dalam mana hal yang diperuntukkan mengikut seksyen 9 (2) Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Negeri Kelantan no.3 1982.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Pada masa sekarang terdapat pihak-pihak yang membuat tuntutan pengesahan harta tak alih atas nama peninggalan si mati, pengesahan harta pusaka, sepencarian, wasiat dan hibah dibawa ke Mahkamah Syariah tanpa terlebih dahulu dibuat Permohonan Pembahagian Pusaka (notis pusaka) kepada Bahagian Pembahagian Pusaka Kecil atau Mahkamah Tinggi Sivil.

2.2 Tuntutan yang dibuat menyukarkan Mahkamah Syariah dalam membuat perintah terhadap pihak-pihak kerana tidak ada fail kes di Bahagian Pembahagian Pusaka Kecil atau Mahkamah Tinggi Sivil.

3. PEMAKAIAN

Arahan ini adalah terpakai kepada semua permohonan untuk pendaftaran kes-kes di atas bagi semua orang Islam yang tinggal dalam Negeri ini dan bagi semua orang Islam yang bermastautin dalam Negeri ini tetapi tinggal di luar Negeri sebagaimana peruntukan Seksyen 4 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No. 6/2002.

4. TARIKH BERKUATKUASA

Arahan ini berkuatkuasa mulai tarikh dikeluarkan.


**ARAHAN KETUA HAKIM SYARIE
BIL 1/2019**

**PENDAFTARAN KES-KES PENGESAHAN HARTA TAK ALIH ATAS
NAMA PENINGGALAN SI MATI, PENGESAHAN HARTA PUSAKA,
SEPENCARIAN, WASIAT DAN HIBAH DI BAWAH ENAKMEN
PENTADBIRAN MAHKAMAH SYARIAH NEGERI KELANTAN
NO.3/1982**

Saya ingin menarik perhatian kepada keputusan Mesyuarat Hakim-Hakim Syarie Negeri Kelantan Bil.2 Tahun 2019 yang diadakan pada 27 Zulhijjah 1440 bersamaan 28 Ogos 2019, telah bersetuju bahawa bagi mengelakkan berlaku kekeliruan berhubung perkara di atas, sebelum mendaftarkan kes-kes tersebut di Mahkamah pihak-pihak hendaklah :

- (i) Membuat Permohonan Pembahagian Pusaka (notis pusaka) dan merujuk kepada Bahagian Pembahagian Pusaka Kecil atau Mahkamah Tinggi Sivil terlebih dahulu; dan
- (ii) Pihak-pihak dalam tuntutan pusaka bolehlah membangkitkan apa-apa tuntutan bagi kes-kes di atas kepada Pentadbir Tanah ataupun Hakim Mahkamah Tinggi Sivil bagi mendapatkan arahan supaya kes-kes tersebut dirujuk dan diputuskan oleh Mahkamah Syariah.

Arahan ini berkuatkuasa mulai tarikh dikeluarkan.


.....
(DATO' HJ DAUD BIN MUHAMMIAD) DPSK, SPSK (KELANTAN)
(Dato' Sri Paduka Raja)
KETUA HAKIM SYARIE
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH
NEGERI KELANTAN

15/09/2019